

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI UPACARA PERASMIAN KURSUS ISTERI-ISTERI
PEGAWAJ KANAN KERAJAAN MALAYSIA 19 85
DI INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)
BUKIT KIARA, DAMANSARA, KUALA LUMPUR
PADA HARI ISNIN, 9HB. SEPTEMBER, 19 85
PUKUL 9.00 PAGI

Bismiilahir rahmanir rahim.

Yang Berusaha Dr. Shamsudin Kassim,
Timbalan Pengarah INTAN;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat kita bersama-sama dalam Kursus ini. Justeru itu ucapan terima kasih, saya tujukan kepada INTAN di atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan pembukaan Kursus Isteri-Isteri Pegawai Kanan Kerajaan, kali yang ke-9 ini.

2. Seperti juga pada tahun-tahun yang lepas, Kursus ini adalah bertujuan untuk meninggikan kefahaman para isteri pegawai kanan Kerajaan dan diplomat Malaysia mengenai beberapa perkara yang perlu diketahui bagi memainkan peranan mereka dengan berkesan dan berkebolehan. Puan-puan sekalian akan diberi keterangan mengenai perkara-perkara seperti Sejarah, Perlembagaan, Politik, Ekonomi,

Keselamatan serta Dasar Luar Negara Malaysia. Perkara-perkara untuk meningkatkan keperibadian para isteri seperti teknik berucap di khalayak ramai, tata susila sosial, pembangunan dan kesihatan keluarga, dan lain-lain perkara yang boleh membantu para isteri supaya dapat menyesuaikan diri dengan lebih mudah di rantau orang akan ditekankan. Program Kursus ini dirancang sedemikian rupa bagi membantu puan-puan di dalam menjalankan tugas masing-masing dengan yakin dan lancar.

Puan-puan sekalian,

3. Pada hemat saya, 'impact' yang hendak dicapai oleh program Kursus ini ialah bagi mewujudkan sikap yang positif di kalangan isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan terutama bagi isteri yang akan mengikuti suami mereka bertugas di seberang laut. Penghayatan sikap inilah merupakan satu perkara pokok yang perlu disedari. Ianya akan ir.enyedarkan sepenuhnya akan peranan dan tanggungjawab puan-puan sebagai isteri pegawai kanan Kerajaan. Puan-puan nanti akan juga bertanggungjawab untuk memberikan gambaran sebenar kepada negara asing tentang pembangunan dan keharmonian negara kita. Tanggungjawab ini akan dilaksanakan dengan licin dan teratur semasa puan-puan berinteraksi dengan orang-orang asing, melalui tingkah laku, percakapan dan sebagainya.

4. Saya diberitahu bahawa Kursus ini sengaja diatur dernikian rupa kerana menyedari bahawa keberkesanan seseorang pegawai kanan atau pegawai diplomat itu sahaja di dalam melaksanakan tugasnya tidak memadai untuk menegakkan imej negara kita. Pembawaan dan tingkah laku para isteri semasa bergaul dan berhubung dengan pegawai-pegawai asing dan isteri-isteri mereka juga merupakan faktor yang penting yang boleh menentukan buruk baiknya imej sesuatu negara. Andainya berlaku tingkah laku isteri pegawai kanan itu kurang sempurna, maka sudah tentu ianya boleh menjejaskan

nama baik negara kita. Oleh yang demikian puan-puan perlulah selalu berwaspada dengan percakapan dan tingkah laku puan-puan apabila berada di kalangan orang asing supaya nama baik negara kita sentiasa terpelihara.

5. Isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan yang bertugas di dalam negeri juga menyertai Kursus ini. Puan-puan juga mempunyai peranan dan tanggungjawab yang tidak kurang pentingnya daripada isteri-isteri diplomat kita di luar negeri. Ini adalah kerana dari masa ke semasa negara kita menerima kedatangan para pembesar luar negeri bersama isteri masing-masing. Justeru itu para isteri pegawai kanan Kerajaan yang berada di dalam negeri boleh memainkan peranan yang sewajarnya apabila menerima kunjungan mereka dan berinteraksi dengan para tetamu dari luar negeri.

Puan-puan sekalian,

6. Adalah penting diwujudkan semangat perpaduan dan kerjasama 'esprit de corp' di kalangan ahli-ahli dan isteri-isteri perwakilan kita di luar negeri. Sikap kerjasama dan kefahaman antara satu sama lain ini, saya kira, dapat mengatasi banyak masalah dengan mudah dan kerja yang berat pula akan menjadi ringan. Biarlah berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing. Sikap kerjasama dan perpaduan ini akan memberi imej yang baik kepada negara kita. Puan-puan bolehlah dianggap contoh bagi orang-orang asing membuat tanggapan tentang keadaan negara kita yang sebenarnya.

7. Oleh itu adalah menjadi harapan saya bahawa melalui Kursus ini para isteri akan dapat meninggikan pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap perkembangan-perkembangan di negara kita, serta segala usaha yang dijalankan oleh Kerajaan. Saya percaya dengan pengetahuan dan kesedaran ini, ianya bukan sahaja dapat mewujudkan kesetiaan dan perasaan cintakan negara, malah boleh memberi keyakinan kepada para isteri dalam pergaulan dan interaksi mereka

dengan isteri-isteri dan diplomat-diplomat negara-negara asing.

8. Kursus ini juga merupakan satu-satunya kursus formal yang unik yang diadakan bagi kaum wanita, khususnya bagi isteri-isteri pegawai-pegawai Kerajaan. Dari itu puan-puan sungguh bernasib baik kerana dapat mengikuti Kursus ini dan menimba pengetahuan yang berguna. Saya percaya puan-puan yang akan mengikuti Kursus ini akan mendapat faedah dan manfaatnya jika peluang keemasan ini diambil untuk mengumpul seberapa banyak pengetahuan dan pengalaman yang boleh daripadanya. Berjaya atau tidak sesuatu kursus itu bergantung sebahagian besarnya kepada para peserta. Jika puan-puan menaruh sepenuh perhatian kepada Kursus ini, insya-Allah, puan-puan akan menerima banyak manfaat daripadanya dan objektif Kursus ini akan tercapai.

9. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada INTAN kerana usahanya menerus dan menjadikan Kursus ini sebagai projek latihan tetapnya. Saya percaya kursus pada kali ini akan dapat dijalankan dengan lebih cekap, licin dan sesuai dengan kehendak-kehendak para isteri. Bagi puan-puan yang mengikuti Kursus ini, saya ucapkan selamat maju jaya dan semoga segala pengetahuan yang diperolehi akan dijadikan sumber untuk meninggikan maruah dan nama baik negara Malaysia yang kita cintai.

10. Dengan ini, saya dengan segala sukacitanya membuka Kursus Isteri-isteri Pegawai Kanan Kerajaan Malaysia 1985 ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.